



CHAT

Apa itu Chat?




Chat merupakan salah satu komponen perkhidmatan SaaS yang boleh digunakan untuk berkomunikasi menggunakan teks, imej dan video di antara rakan sekerja. Pengguna boleh berkomunikasi bersama individu lain dan secara berkumpulan dengan menggunakan pelbagai peranti.

Tatacara Penggunaan Chat


Langkah 1: Klik pada ikon Chat yang terdapat di sembilan (9) dots




Langkah 2: Untuk memulakan sesi sembang baharu klik pada "New chat"




Langkah 3: Jika anda ingin berbual dengan seorang pengguna sahaja, taipkan nama atau e-mel mereka di ruangan carian dan tekan "Start chat"



Langkah 4: Jika anda ingin berbual dengan lebih dari seorang pengguna, anda boleh klik butang "Create a space"



Langkah 5: Letakkan nama Space yang anda inginkan dan klik butang "Create"




Langkah 6: Klik butang "Add members"



Langkah 7: Pilih nama individu yang hendak dimasukkan ke dalam Space dan klik "Add"



Tukar status ketersediaan anda dalam Chat



Ikon status

Maksud status

Aktif

E-mel atau Chat sedang digunakan.

Jangan ganggu

1. Tiada notifikasi pada Chat jika pengguna lain menghantar chat.
2. Status ini penting ketika pengguna di dalam mesyuarat untuk mengelakkan gangguan.


Tidak Aktif

1. Pengguna tidak disambungkan kepada Internet.
2. Pengguna tidak aktif melebihi 10 minit.


Fungsi terbaru di Chat

Mengurus perbualan dengan **mute notifikasi** di Chat. Pengguna boleh **mute notifikasi** di Chat untuk tempoh masa yang tertentu atau masih boleh menerima mesej yang dihantar, tetapi notifikasi penerimaan tidak akan diterima.

1. Klik pada menu tiga (3) titik di panel sebelah kiri mana-mana perbualan



2. Pilih pilihan "mute"



3. Chat yang telah "mute" akan *Italic*

